

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 20 MAC 2019

SOALAN

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian berkaitan persijilan halal terutama di medan selera, pasar raya, hotel, lapangan terbang serta tempat tumpuan ramai. Adakah Kerajaan mahu mewajibkan sijil halal untuk kawasan tersebut.

**JAWAPAN : (YB DATUK DR MUJAHID BIN YUSUFF RAWA, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian berkaitan persijilan halal terutama di medan selera, pasar raya, hotel, lapangan terbang serta tempat tumpuan ramai. Adakah Kerajaan mahu mewajibkan sijil halal untuk kawasan tersebut.

**JAWAPAN : (YB DATUK DR MUJAHID BIN YUSUFF RAWA, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan undang-undang yang sedia ada, permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) adalah bersifat sukarela dan terbuka kepada semua pemohon. Undang-undang untuk mewajibkan SPHM kepada pengusaha belum diwujudkan buat masa ini. Namun sekiranya pihak berkuasa yang mengawal selia premis berkenaan mewajibkan pensijilan halal melalui peraturan di bawah bidang kuasa agensi masing-masing, JAKIM akan sentiasa menyokong dan sedia memberi kerjasama.

Kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk menggalakkan permohonan SPHM dan meningkatkan kesedaran pengusaha-pengusaha mengenai pensijilan halal Malaysia. Dalam hal ini, Kerajaan melalui JAKIM dan pihak berkuasa agama negeri-negeri sentiasa bertindak aktif menggalakkan pengusaha memohon SPHM. JAKIM dengan kerjasama agensi-agensi pembimbing berkaitan pembangunan industri seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI), Lembaga Perusahaan Pekebun Kecil (RISDA), FELCRA, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Perbadanan Pembangunan

NO. SOALAN: 12

Perdagangan Luar Malaysia (*MATRADE*), SME CORP, pihak berkuasa kerajaan tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya dan Projek Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS Malaysia Berhad) telah membantu industri-industri mendapatkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).

Sehingga kini, JAKIM mendapati terdapat banyak usaha dan inisiatif sendiri yang telah diambil oleh agensi berkaitan termasuklah pihak berkuasa kerajaan tempatan. Umpamanya Perbadanan Putrajaya dan pengusaha kafetaria setempat yang telah mewajibkan Pensijilan Halal Malaysia dalam kalangan pengusaha premis makanan seliaan mereka di bawah undang-undang kecil pelesenan penempatan makanan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2012.

Dalam masa yang sama kerajaan melalui kerajaan melalui JAKIM dan agensi-agensi lain terus berusaha mengadakan promosi melalui taklimat dan bengkel mengenai prosedur dan kepentingan pensijilan halal serta mengadakan program bersama pihak persatuan-persatuan industri seperti Dewan Perniagaan Islam Malaysia (DPIM), Federations of Malaysia Manufacturer (FMM), The Cosmetic, Toiletry & Fragrance Association of Malaysia (CTFA), Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAHO), Persatuan Hotel Malaysia (MAH) dan lain-lain bagi membantu meningkatkan jumlah permohonan Sijil Halal Malaysiadi kalangan industri berkenaan.

Sekian, terima kasih.